

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	MALAYSIAN EXHIBITION SERVICES	SECTION:	BISNES
PUBLICATION:	BERITA HARIAN	PAGE NO.:	B5
DATE:	WEDNESDAY, 25 MARCH 2015	FREQUENCY:	DAILY
CIRCULATION:	158,552		
HEADLINE:	METER PINTAR LEBIH TEPAT		

Meter pintar lebih tepat

» Pengguna boleh pantau penggunaan elektrik, kurang pembaziran

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bh.com.my

Meter pintar bakal menjadi satu daripada tarikan pada pameran dan seminar Electric, Power and Renewable Energy Malaysia 2015 (EPRE 2015) yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), bermula hari ini hingga Jumaat ini.

Meter pintar itu berupaya memberikan bacaan penggunaan elektrik secara tepat, selain membolehkan pengguna memantau penggunaan tenaga

elektrik dan meminimumkan pembaziran.

Pengarah Urusan Fleming Gulf, Silvester Pullman, berkata ia juga menjadi alat berkesan yang mampu mengurangkan pertikaian di antara pelanggan dan syarikat pembekal kuasa mengenai bil penggunaan elektrik.

Katanya, Tenaga Nasional Bhd (TNB) selaku hos, berkemungkinan besar akan menggunakan EPRE 2015 untuk mengumumkan hasil maklum balas projek perintis penggunaan meter pintar.

Beliau berkata, projek itu yang dikenali sebagai Projek Smartstyle melibatkan 800 kediaman di Melaka dan 200 kediaman di Putrajaya yang dimulakan pada tahun lalu.

"Saya di fahamkan ia (Projek Smartstyle) satu kejayaan," katanya dalam satu temubual dengan BH di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Fleming Gulf adalah peng-



jur Smart Grids Talk 2015, acara sampingan pada EPRE 2015 yang bertindak sebagai platform mengumpulkan peserta utama industri bagi membincangkan kejayaan dan halangan yang dihadapi dalam mewujudkan grid elektrik berkesan di Asia Pasifik.

Pantau penggunaan elektrik Pullman berkata, meter pintar membolehkan pengguna memantau penggunaan elektrik dengan menyemak sejarah penggunaan, graf penguna-

“ Ia juga menjadi alat berkesan yang mampu mengurangkan pertikaian di antara pelanggan dan syarikat pembekal kuasa mengenai bil penggunaan elektrik”

Silvester Pullman,
Pengarah Urusan Fleming Gulf

an, jumlah dan penggunaan semasa.

Katanya, pengguna dapat dimaklumkan mengenai kos untuk penggunaan pancuran air panas, cerek atau pendingin hawa dalam tempoh masa tertentu.

ALAM beli kapal bantuan luar pesisir

Alam Maritim Resources Bhd (ALAM) menerusi MDSV 1 (L) Inc, kini dalam proses pembelian kapal bantuan luar pesisir (OSV), iaitu OLV Venture 1 bernilai AS\$60 juta.

Syarikat itu adalah anak syarikat hasil kerjasama dengan Deepsea Leader Ventures (L) Inc.

Bagi pelaksanaan pembelian itu, MDSV 1 (L) Inc memeterai memorandum persefahaman dengan Wellspring Marine Trading Ltd, kata ALAM dalam kenyataan kepada Bursa Malaysia, semalam.

Pada masa ini, OSV berkenaan didaftarkan di China dan selepas selesainya pembelian itu yang dijangkakan pada pertengahan April 2015, ia akan didaftarkan di Kuala Lumpur.

ALAM menyifatkan pembelian itu selaras pelan pembesaran perniagaan teras kumpulan itu yang menumpukan perkhidmatan sokongan marin bagi kemudahan minyak dan gas luar pesisir.

Pelaburan baharu dalam segmen perniagaan itu juga dapat meningkatkan pertumbuhan selaras peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan sokongan marin bagi sektor hulu industri minyak dan gas, baik pada peringkat domestik dan antarabangsa.

BERNAMA